



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **YKN TERIMA SUMBANGAN RM50,000 DARIPADA YAYASAN LION-PARKSON**

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) berbesar hati menerima sumbangan dana daripada Yayasan Lion-Parkson berjumlah RM50,000 yang telah disampaikan oleh Pengerusi Yayasan Lion-Parkson, YBhg. Puan Sri Chelsia Cheng kepada YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKNM yang telah diadakan pada 15 Mac 2019 (Jumaat) di Bangunan Parlimen.

Dengan inisiatif ini diharapkan menjadi contoh kepada syarikat-syarikat korporat yang lain untuk tampil menyumbang kepada dana YKNM. Masih ramai golongan sasaran yang kurang berkemampuan di luar sana mengharapkan bantuan untuk keluar dari belenggu kesusahan dan kemiskinan yang mereka alami.

YAB Dato' Sri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang juga Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyampaikan surat lantikan kepada Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang baharu setelah selesai majlis penyerahan sumbangan diikuti dengan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YKN Bil.1/2019.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah barisan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKNM serta YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKNM.

Disediakan oleh : Bahagian Penjanaan Dana & Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara  
Aras 8, No 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya

No. Telefon : 03 – 83232437 / 2420

Tarikh dikeluarkan : 19 Mac 2019